

Tarik balik produk babi dijangkiti ASF

KUALA LUMPUR - Jabatan Perkhidmatan Veterinar menggesa para pengedar dan penjual untuk menarik balik daging dan produk berasaskan babi dari sembilan buah negara yang dikesan dijangkiti virus demam babi Afrika (ASF).


Ketua Penggarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, pihaknya telah membuat sekatan pengimportan babi hidup dan produk babi (termasuk produk dalam tin) dari beberapa negara sejak tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya masih terdapat pihak yang menjual daging mentah dan produk berkenaan secara haram.

"Selain China, kita telah membuat sekatan pengimportan babi hidup dan produk babi dari Poland, Belgium, Thailand, Vietnam, Kemboja, Hong Kong, Myanmar dan Laos," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membentuk satu pasukan petugas mengendalikan operasi bersepudu memeriksa dan mengambil tindakan ke atas kemasukan daging babi, anak babi dan produk berasaskan daging babi di dalam tin secara haram.

"Pasukan ini terdiri daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Kuaranjin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), Kementerian



Quaza Nizamuddin menunjukkan produk berasaskan daging babi dalam tin yang dirampas.

Kesihatan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya.

Jelasnya, pemeriksaan bersepudu di tiga lokasi melibatkan syarikat pengimport dan pengedar produk dalam tin serta dua restoran yang menyediakan menu anak babi.

"Setakat ini, kita merampas 60 kotak produk-berasaskan daging babi," katanya.

Katanya, daging babi dan produk berdasarkan daging babi yang ditemui di premis syarikat pengedar boleh dirampas dan siasatan mengikut Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan atau Akta Maqis 2011 (Akta 728).

"Bekalan daging babi yang dibenarkan adalah dari Australia, Kanada, Denmark, Jerman, Belanda, Sepanyol, Amerika Syarikat (AS) dan Perancis.

"Bagi produk di dalam tin pula dari Denmark, Perancis, Itali, Singapura, Sepanyol, United Kingdom dan AS," katanya.